

**UCAPAN DASAR KERAJAAN
OLEH
TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI
SABAH
TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR)
HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN
BERSEMPENA DENGAN PEMBUKAAN RASMI
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH YANG KE-14
PADA
14 APRIL 2016**

Bismilahir Rahmanir Rahim,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, maka dapatlah kita berhimpun dalam Dewan yang mulia ini bagi Majlis Pembukaan Rasmi Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Ke-14.

2. Sukacita saya mengajak Ahli-Ahli Yang Berhormat menjadikan penggal Dewan ini sebagai waktu terbaik untuk membuka lembaran baru, dengan niat dan pemikiran yang positif, setelah negara mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan di sepanjang tahun 2015. Saya berharap segala ujian yang diharungi akan dapat memperkukuhkan lagi semangat kita sebagai satu negara bangsa yang berdaulat demi masa depan yang lebih sejahtera.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

3. Negeri Sabah turut diuji dengan pelbagai bentuk ancaman bencana alam seperti banjir dan gempa bumi dalam tahun 2015. Saya dan isteri sama berduka dan berdo'a supaya ahli keluarga mangsa terlibat mendapat ketenangan dan memperoleh penyelesaian yang terbaik. Kita juga menghargai ketabahan mangsa dan keluarga-

keluarga mangsa dalam menghadapi bencana ini. Di samping itu, saya amat berbangga dan mengucapkan penghargaan kepada semua pihak terlibat yang telah menunjukkan semangat kesukarelawanan dan menyumbangkan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana tersebut.

4. Pada ketika ini, kita sedang menghadapi fenomena El Nino iaitu cuaca kering dan panas yang dijangka berlanjutan hingga penghujung bulan Mei. Oleh itu, saya menyeru semua jabatan dan agensi yang menjadi ahli kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah serta semua pihak yang berkaitan supaya sentiasa dalam keadaan siapsiaga dan mengaktifkan Bilik Gerakan Bencana di daerah masing-masing.

5. Saya menyambut baik usaha-usaha berterusan Kerajaan dalam memperkukuh kawalan keselamatan dan

ketenteraman awam khususnya menangani ancaman pengganas dan membendung penularan fahaman ekstrem serta kegiatan militan di negeri ini. Dengan itu, saya menyeru agar rakyat berwaspada dengan propaganda golongan ini, dan mengawasi ahli keluarga masing-masing supaya tidak terpedaya dengan dakwah menyalahgunakan konsep jihad atas nama agama.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

6. Jika diamati, Kerajaan Negeri telah melakukan yang terbaik sepanjang tahun 2015 dalam bidang pengurusan kewangan dan pentadbiran negeri, terutama sekali bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan dengan mempelbagaikan sumber pendapatan negeri secara konsisten di bawah kepimpinan YAB Ketua Menteri di mana negeri terus aman, makmur, maju dan progresif.

7. Tahun 2015 merupakan tahun yang sangat mencabar bagi negara Malaysia dan negeri Sabah khususnya kerana ketidaktentuan ekonomi dan politik global khususnya kejatuhan harga minyak dan komoditi utama telah memberi kesan kepada pendapatan negara dan nilai ringgit. Oleh itu, saya menyambut baik usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkukuhkan asas-asas ekonomi serta memperhebat pelaksanaan program-program pembangunan untuk tujuan menambahbaik taraf hidup rakyat terutamanya masyarakat di luar bandar.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

8. Tahun 2016 merupakan tahun yang amat penting kerana ia adalah tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang bertemakan

“Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat”. Dengan itu, saya menyeru semua pihak serta rakyat keseluruhannya supaya bersatu dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan agenda pembangunan negara dengan memastikan setiap program dan projek yang telah dirancang dilaksanakan sepenuhnya bagi merealisasikan matlamat Malaysia menjadi negara maju yang inklusif dan mampan selaras dengan Wawasan 2020.

9. Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha dalam merancang pembangunan jangka panjang di negeri ini. Selaras dengan pelaksanaan RMK-11, Kerajaan Negeri sedang menggubal Pelan Tindakan Strategik Jangka Panjang Sabah (Sabah LEAP), 2016-2035 yang meliputi tempoh empat (4) Rancangan Malaysia yang bertujuan untuk menyediakan *roadmap* dan visi rancangan pembangunan jangka panjang negeri Sabah. Malah Sabah LEAP turut menggariskan strategi-strategi dan

enablers untuk pembangunan negeri Sabah serta mengukuhkan faktor-faktor asas pertumbuhan yang perlu ada untuk membolehkan negeri Sabah mencapai trajektori pertumbuhan yang lebih kukuh.

10. Seterusnya, Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas sokongan berterusan yang diberikan kepada negeri Sabah, di mana setakat 20 Mac 2016, nilai peruntukan sejumlah RM4.9 bilion telah diluluskan untuk melaksanakan sebanyak 555 program dan projek pembangunan di bawah Rolling Plan Pertama Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11).

11. Antara projek yang bakal merubah landskap pembangunan negeri Sabah ialah pembinaan Lebuh raya Pan Borneo Sabah, di samping penyediaan infrastruktur dan utiliti luar bandar, perumahan, pengurangan tahap

kemiskinan, menambah baik *connectivity* dan ICT serta meningkatkan kualiti pendidikan dan kesihatan di negeri ini. Justeru, Kerajaan Negeri mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Mohd. Najib Tun Razak atas keprihatinan beliau dalam memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat di negeri ini terpelihara.

12. Sementara itu, pengukuhan aspek keselamatan terutamanya di Wilayah ESSCOM turut diambil perhatian dengan memberi kelulusan kepada beberapa projek seperti projek Pembinaan Pos Pulau Sipadan, Semporna, Pembinaan Kompleks Perumahan dan Bangunan Pentadbiran Batalion 20 Pasukan Gerakan Am (PGA) di Beluran, Pembangunan Kem Tentera Darat ESSCOM di Felda Sahabat, Lahad Datu serta Peningkatan Keupayaan Radar di Kawasan ESSCOM. Oleh itu, saya amat

berterima kasih dan mengucapkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan kerana begitu prihatin dengan isu keselamatan negara khususnya di negeri Sabah, terutama dengan pemberian peruntukan yang besar melalui ESSCOM untuk tujuan meningkatkan keselamatan di negeri ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

13. Pada masa yang sama, saya berbangga dan menyambut baik usaha-usaha Kerajaan dalam memudahcara dan menggalakkan pelaburan domestik, terutama dalam menyediakan pelbagai dana untuk usahawan-usahawan tempatan. Di samping itu, usaha-usaha yang lebih giat juga akan dilakukan untuk meningkatkan produktiviti serta meningkatkan kemahiran modal insan di negeri ini.

14. Tahun 2015 merupakan tahun yang amat mencabar bagi Industri Pelancongan Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, saya yakin industri pelancongan negeri ini akan bertambah kukuh dalam tahun 2016. Ini dapat kita lihat melalui pertambahan jumlah ketibaan pelancong dalam bulan Januari 2016, di mana ia merekodkan seramai 253,887 orang iaitu pertambahan sebanyak **4.3%** berbanding dengan jumlah ketibaan pelancong seramai 243,398 orang pada bulan yang sama tahun 2015.

15. Sehubungan itu, ketibaan pelancong antarabangsa merekodkan pertambahan ketara sebanyak **19.6%** iaitu pertambahan pelancong dari China sebanyak **(84.3%)**, Korea Selatan **(30.0%)**, Taiwan **(18.3%)**, Brunei **(2.5%)** serta United Kingdom dan Ireland **(26.9%)**. Manakala terimaan pelancongan (*tourism receipts*) turut berkembang

sebanyak **8.0%** iaitu RM550.7 juta bagi bulan Januari 2016 berbanding dengan RM509.5 juta pada bulan yang sama tahun 2015.

16. Rekod menunjukkan bahawa sebanyak 29 *Cruise Ships* telah tiba dan berlabuh di Kota Kinabalu dan Sandakan dengan seramai 31,624 orang penumpang pada tahun 2015, berbanding sebanyak 19 *Cruise Ships* dengan seramai 13,261 orang penumpang pada tahun 2014, yang mana menunjukkan pertambahan sebanyak 52.63%. Saya percaya, jumlah ketibaan *Cruise Ships* dijangka akan terus bertambah dan berkembang pada tahun 2016.

17. Bagi tahun 2016, fokus utama Kerajaan Negeri ialah melonjakkan momentum pembangunan sektor pelancongan, kebudayaan dan alam sekitar. Pelbagai usaha juga akan dilakukan untuk menyediakan produk dan

perkhidmatan pelancongan baru yang berkualiti tinggi serta meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan pelancongan yang sedia ada. Untuk itu, Kerajaan Negeri juga akan terus menasarkankan pasaran-pasaran baru, merancang dan mengatur strategi-strategi pemasaran untuk menarik kedatangan lebih ramai pelancong ke negeri ini.

18. Saya menyambut baik usaha berterusan Kerajaan melindungi khazanah semula jadi dan pemeliharaan serta pemuliharaan alam sekitar dan pewartaan Taman Marin Tun Mustapha yang merangkumi perairan seluas 898,763 hektar dengan jumlah 50 buah pulau di perairan utara Kudat, Teluk Kota Marudu dan Pitas. Kerajaan Negeri juga akan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang dan pelaksanaan program-program kesedaran serta mengukuhkan kolaborasi dengan Badan-Badan Bukan Kerajaan untuk meningkatkan perlindungan hidupan liar

dan alam sekitar di negeri ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

19. Kerajaan terus komited dalam memajukan lagi sektor pertanian dengan menggubal dan melaksanakan Dasar Pertanian Negeri Ketiga (DPNS3). Objektif utama adalah untuk meningkatkan sekuriti makanan dan pendapatan petani, penternak serta nelayan. Selain itu, matlamat dasar ini juga adalah untuk mengukuhkan produktiviti dan daya saing pertanian serta memastikan kemampanan jangka panjang sektor-sektor pertanian negeri Sabah. Pelan tindakan untuk menangani pelbagai isu serta cabaran yang dihadapi oleh sektor pertanian melibatkan langkah-langkah penambahbaikan ke atas kemudahan asas, pusat pemprosesan, penyelidikan pertanian, buruh mahir, insentif pelaburan khas bagi perniagaan berskala besar dan bio-sekuriti.

20. Sesungguhnya, Kerajaan sentiasa mengambil perhatian untuk terus membangunkan sektor perindustrian, dan ini terbukti melalui sumbangan sektor ini dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (2011 - 2015) dengan mencatat nilai pelaburan yang telah diluluskan berjumlah RM12.7 bilion dan mewujudkan sebanyak 7,974 peluang pekerjaan. Seterusnya, Kerajaan Negeri akan memperhebatkan usaha untuk menarik pelaburan bernilai tambah tinggi ke dalam sektor perindustrian khususnya dalam industri minyak dan gas. Selain itu, usaha juga akan dipertingkatkan untuk menarik pelaburan dalam industri hiliran kelapa sawit seperti biomas dan *bio-refinery* di POIC, Lahad Datu.

21. Dalam hal ini, beberapa syarikat telah diberi kelulusan untuk mengeluarkan keluaran yang bernilai tambah tinggi di POIC Lahad Datu. Dengan pelancaran “Sabah Biomass

Industry Development Plan” pada 8 Disember 2015 oleh YB Dato’ Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di Kuala Lumpur dan pada 25 Februari 2016 oleh YAB Perdana Menteri di Putrajaya, ia akan dapat memacu lagi pembangunan industri biomas di Sabah secara amnya dan di POIC Lahad Datu secara khususnya.

22. Malah, Kerajaan Negeri juga akan terus memberi tumpuan terhadap pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) khususnya yang berpotensi untuk mengeluarkan produk untuk pasaran eksport. Setakat ini sebanyak 40 syarikat IKS yang berjaya mengeksport barangan ke luar negeri dan Sabah menduduki tempat kedua dari segi kejayaan pelaksanaan program IKS di seluruh negara. Usaha akan terus dipertingkatkan untuk memajukan IKS termasuk industri mikro kerana IKS mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk

memperkembangkan sektor pembuatan dari segi penjana pendapatan di kalangan rakyat di kawasan bandar dan luar bandar serta mampu menjana lebih banyak pekerjaan, pelaburan yang kecil tetapi mendatangkan hasil yang besar serta mewujudkan lebih banyak usahawan dan menggunakan sumber tempatan dengan lebih berkesan.

23. Sehubungan dengan perkembangan ini, Kerajaan Negeri juga akan membangunkan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar sebagai *transshipment hub* untuk negara-negara Timur Jauh (*Far East*), memberi tumpuan kepada pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan mengkaji semula Pelan Tindakan Perindustrian Sabah (SIAP) dengan mengambil kira keadaan ekonomi dunia dan serantau.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

24. Saya juga berterima kasih atas inisiatif Kerajaan dalam memberi fokus kepada kemudahan-kemudahan infrastruktur asas dan utiliti yang maju dan mampan kerana ia merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negeri ini. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus memberi keutamaan untuk meningkatkan kualiti liputan sistem jalan raya seperti pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah, menyediakan bekalan air bersih serta bekalan elektrik yang berdaya tahan khususnya di kawasan luar bandar, di samping menambah baik perkhidmatan kereta api dan meningkatkan kemudahan infrastruktur maritim untuk kegunaan awam serta pelabuhan-pelabuhan komersil di negeri ini. Kerajaan Negeri juga optimis untuk menambah baik kemudahan

sistem pengangkutan awam untuk rakyat menerusi pelaksanaan *Bus Rapid Transit* (BRT) khususnya di Bandaraya Kota Kinabalu.

25. Sukacita saya memaklumkan bahawa kejayaan Kerajaan menurunkan kadar kemiskinan kepada **4.0%** (data terkini tahun 2014) berbanding **8.1%** pada tahun 2012 mencerminkan keberkesanan program-program kemiskinan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Bagi meneruskan pencapaian cemerlang Kerajaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan di negeri ini, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan projek Mini Estet Sejahtera (MESEJ), program Kampung Sejahtera dan projek-projek pembasmian kemiskinan yang lain dalam usaha untuk menambah baik kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat di negeri ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

26. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana telah berjaya mengurus sumber hutan di negeri ini secara efektif dan efisien. Kini, jumlah luas Kawasan Terlindung Sepenuhnya (*Totally Protected Areas*) di negeri Sabah telah mencapai lebih kurang 1.8 juta hektar atau 24% daripada muka bumi negeri Sabah iaitu telah melebihi piawaian sebanyak 10% yang disasarkan oleh *International Union for the Conservation of Nature* (IUCN). Menjelang tahun 2025, Kerajaan Negeri mensasarkan untuk mencapai seluas 2.2 juta hektar (30%) sebagai Kawasan Terlindung Sepenuhnya (*Totally Protected Areas*). Sesungguhnya, pada tahun 2016, Kerajaan Negeri akan mengenal pasti kawasan seluas lebih kurang 122,000 hektar untuk mendapat persijilan daripada *Forest Stewardship Council* (FSC) dan skim persijilan lain di bawah *Rainforest Alliance*.

27. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan usaha untuk mengenal pasti dan mewartakan kawasan tertentu sebagai kawasan Hutan Simpan dalam usaha untuk memelihara kepentingan kepelbagaian biologi untuk generasi akan datang. Selain itu, Kerajaan juga akan meneroka potensi lain daripada sumber hutan untuk pembangunan eko-pelancongan dalam kawasan hutan simpan, perdagangan karbon (*carbon trading*), *payment for ecosystem services* (PES) dan lain-lain. Pengeluaran kayu tanaman juga dijangka akan terus meningkat dalam tahun 2016 dan akan memainkan peranan yang lebih penting demi kelangsungan bekalan kayu (*sustainable timber supply*).

28. Saya bersyukur usaha-usaha meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat terus menjadi agenda penting Kerajaan, agar segenap lapisan masyarakat dapat mengecapi hasil yang diperolehi. Sehubungan itu,

bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri dengan sokongan daripada Kerajaan Persekutuan akan memperhebatkan lagi pelaksanaan program-program pembangunan untuk golongan warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU), pesakit kronik dan ibu tunggal di negeri ini. Selain itu, dalam usaha untuk menangani isu-isu pembangunan sosial, Kerajaan Negeri akan melaksanakan pelbagai program sukarela kebajikan dan membantu Organisasi-Organisasi Sukarela Kebajikan atau Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Kebajikan untuk menjalankan program dan aktiviti masing-masing.

29. Malah, Kerajaan akan meneruskan Program Khidmat Bantu di Rumah (Home Help) untuk melibatkan masyarakat sebagai sukarelawan melawat rumah warga emas dan OKU. Kerajaan Negeri juga akan memperkasa informasi dalam *Women Information System (WISe)* yang telah dibangunkan oleh Kerajaan untuk pembangunan

wanita profesional, ibu tunggal dan usahawan agar ia dapat diintegrasikan dengan semua jabatan dan agensi yang mempunyai pangkalan data berkaitan. Manakala untuk memastikan rakyat mendapat manfaat daripada perkhidmatan perpustakaan, projek pembinaan bangunan dan penggantian perpustakaan desa serta perpustakaan bergerak akan terus dilaksanakan, di samping membina pusat *Depositori* untuk menyimpan semua koleksi negeri Sabah yang diterima oleh pihak perpustakaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

30. Di sudut yang lain pula, pelaksanaan dan tumpuan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dalam fasa ketiga (2016-2025) adalah untuk meningkatkan *connectivity* di dalam dan luar negeri Sabah bagi menambah baik mobiliti penduduk, barangan serta perkhidmatan. Di bawah RMK-11 dalam Koridor Pembangunan Sabah, Kerajaan telah

menyediakan peruntukan untuk projek perluasan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar, *Master Plan Study for Aviation and Air Freight Logistics* dan pembinaan jeti minyak sawit di POIC Sandakan serta program-program pembangunan keusahawanan di negeri ini.

31. Seterusnya, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk terus membangunkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) kerana ia telah menjadi keperluan dalam kehidupan masyarakat. Justeru, sektor ICT merupakan sektor yang mampu merentasi sempadan dan bermanfaat dalam menyokong sektor-sektor lain di negeri ini termasuk sektor berkaitan logistik dan perkapalan. Sukacita saya memaklumkan bahawa negeri Sabah berpotensi untuk menjadi hab ICT bagi wilayah ini. Oleh itu, Kerajaan akan terus memajukan prasarana, membangunkan golongan yang berpotensi dan berbakat serta mengadakan perkongsian pintar dengan firma ICT yang terkemuka

bertujuan untuk melonjakkan lagi kepesatan pembangunan ICT di negeri ini.

32. Dalam usaha untuk meningkatkan lagi kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat, Kerajaan Negeri adalah komited untuk melaksanakan pelbagai program dan projek khususnya yang melibatkan pembangunan perumahan awam, penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan awam, penjagaan kebersihan dan keindahan di pekan dan bandar.

33. Selain itu, Kerajaan Negeri juga mengambil berat tentang peranan dan fungsi Institusi dan Undang-Undang Adat Masyarakat Anak Negeri. Dengan itu, pelbagai usaha juga sedang dilaksanakan untuk mengukuhkan serta memartabatkan Institusi berkenaan.

34. Untuk tahun ini, Kerajaan Negeri akan melaksanakan pelbagai program dan projek seperti menjalankan kajian Pelan Tempatan, pembangunan landskap, pembinaan bangunan pejabat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pembangunan perumahan awal dan rumah mampu milik serta pekan baru. Dalam hal ini, Kerajaan juga akan melaksanakan projek-projek kecil infrastruktur dan kemudahan awam, projek sambungan pembinaan Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri Sabah serta projek-projek yang lain. Pada masa yang sama, pemilihan Bandaraya Kota Kinabalu untuk dibangunkan sebagai bandar pemangkin pertumbuhan bersama oleh Kerajaan Persekutuan di bawah RMK-11 merupakan berita yang membanggakan rakyat negeri ini.

35. Saya berbangga dan menyambut baik usaha-usaha berterusan Kerajaan dalam meningkatkan dan menambah baik pentadbiran tanah di negeri ini terutama dalam mengurangkan isu-isu tanah yang berkaitan tuntutan Hak Tanah Adat Anak Negeri (*Native Customary Rights*). Dalam usaha untuk memperkasakan lagi kecekapan tadbir urus tanah di negeri ini, pada tahun 2016, Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran untuk menyelesaikan pengukuran tanah NCR seluas 13,000 hektar khas di daerah-daerah Kota Marudu, Keningau, Kudat, Semporna, Tuaran dan Nabawan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

36. Pada tahun ini, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha memantapkan dan memajukan lagi bidang sukan dan golongan belia di negeri Sabah. Usaha-usaha tersebut termasuklah memperbanyakkan program-program

pembangunan sukan dan belia, selari dengan Pelan Strategik Pembangunan Belia Sabah 2016-2020 dan Pelan Pembangunan Sukan yang bertujuan untuk melahirkan golongan belia perkasa dan berkualiti serta atlet bertaraf dunia di negeri ini.

37. Sesungguhnya, Kerajaan Negeri adalah komited dan akan terus melipatgandakan usaha serta mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memperkukuh ekonomi negeri Sabah dalam menghadapi cabaran ekonomi global, di samping meningkatkan kualiti hidup rakyat di negeri ini. Saya yakin, segala usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan selama ini serta pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan pada tahun ini akan menjadikan negeri Sabah terus berdaya tahan untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam tahun 2016.

38. Jika diamati, pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran yang tinggi kepada jabatan-jabatan yang bertanggungjawab atas kutipan hasil dalam usaha untuk memperkasa usaha kutipan hasil khususnya kutipan hasil tertunggak. Langkah lain yang akan diambil oleh Kerajaan dalam memastikan kedudukan kewangan negeri kekal kukuh ialah dengan mengenal pasti sumber-sumber hasil baru dan meneruskan amalan berbelanja dengan berhemat.

39. Kerajaan Negeri sedar bahawa langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan pengubahsuaian Bajet 2016 adalah untuk menghadapi kesan kelembapan ekonomi global serta memastikan ekonomi negara terus mapan dan berdaya tahan, di samping mengoptimumkan sumber yang ada dalam memastikan pembangunan dapat terus dipacu dan rakyat mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

40. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Ahli-Ahli Jemaah Menteri atas kecemerlangan khidmat bakti yang telah mereka curahkan dalam memimpin Hala Tuju Pembangunan Negeri ini.

41. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh Anggota Perkhidmatan Awam dan Pasukan Keselamatan khususnya Polis DiRaja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia serta semua pihak yang terlibat dalam menyumbang ke arah keamanan, pembangunan dan kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.

42. Akhir kata, semoga Tuhan Yang Maha Esa sentiasa melimpahi kurnia dan rahmat-Nya kepada kita semua serta melindungi negeri yang tercinta ini agar kita akan terus maju dan makmur serta rakyatnya mendapat taufik dan hidayah, sejahtera, bersatu padu serta sentiasa hidup aman sentosa di bawah lindungan-Nya.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.